

# Terorisme: Usah Salahkan Agama Saja

*oleh*

**Norshahril Saat**

Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS)

Untuk mengaitkan masalah terorisme sebagai isu agama atau teologi adalah sesuatu yang kurang tepat. Dalam kebanyakan analisis bagi mencari punca sesuatu tindakan terorisme, ramai yang menyalahkan salah pentafsiran teks agama. Profesor Olivier Roy, dalam bukunya, *Globalised Islam*, menyifatkan analisis sedemikian sebagai menjurus kepada kulturulisme. Menurut perspektif kulturalisme ini, Profesor Roy berpendapat: “Kedudukan wanita, terorisme dan sikap tidak demokratik dicerakin dari sudut budaya dan agama Islam.”

Kuatnya pengaruh kulturalisme ini dalam wacana terorisme amat jelas apabila selepas serangan 11 September, Al-Quran menjadi kitab terlaris di negara-negara Barat. Ini disebabkan ramai yang tertanya-tanya: apakah yang Islam kata tentang hal itu dan hal ini?

Terdapat prasangka bahawa Islamlah yang menyebabkan seseorang bertindak ganas. Wacana sebegini secara amnya menguatkan lagi persepsi masyarakat bahawa masalah pengganasan adalah masalah Islam dan terorisme hendaklah ditangani oleh orang Islam sendiri. Perlu dijelaskan bahawa perspektif kulturalisme ini bukan hanya dipaparkan pada sikap Barat terhadap umat Islam, bahkan oleh umat Islam terhadap agama-agama lain.

Misalnya, kita sering mendengar ungkapan bahawa masyarakat Barat kini di ambang kemunduran (*civilization in decline*). Malah, perspektif kulturalisme ini dimanifestasikan oleh orang Islam terhadap orang Islam sendiri.

Jika dianalisis secara mendalam, kulturalisme telah menjadi sebatik dalam masyarakat, bukan hanya di peringkat ilmuwan, bahkan di setiap lapisan masyarakat.

Jelas, perspektif kulturalisme ini mempunyai beberapa kelemahan: **Pertama**, ia menyifatkan masyarakat Islam itu sebagai satu entiti yang homogen. Pendirian sebegini, sebenarnya, bukanlah baru. Tulisan berpengaruh Profesor Samuel Huntington, *The Clash of Civilizations* (1993), juga boleh dikategorikan sebagai kulturalisme.

Sebenarnya, perspektif kulturalisme ini tidak banyak berbeza daripada sifat yang dikritik secara panjang lebar oleh cendekiawan terkemuka, Edward Said, dalam adikaryanya, *Orientalisme*. Pada hakikatnya, seperti para penganut lain, umat Islam merupakan masyarakat yang heterogen (beraneka). Kepelbagaian ini dapat dilihat dari sudut orientasi agama dan ideologi. Cara dan pendekatan beragama sesebuah masyarakat dibentuk faktor-faktor budaya lokal.

**Kedua**, kulturalisme mengandaikan bahawa setiap tindak-tanduk Muslim itu berasaskan pembacaan Al-Quran, sunah dan teks agama. Ini sama sekali tidak tepat walaupun retorika yang digunakan oleh pelaku itu banyak menggunakan nas-nas Al-Quran dan sunnah. Menurut Profesor Roy: “Pokok persoalannya adalah bukan apa yang diperkatakan oleh Al-Quran, tetapi apa yang orang Islam kata tentang Al-Quran.” Watak atau keperibadian seseorang itu bukan hanya dibentuk di kelas-kelas agama, bahkan banyak lagi faktor luaran seperti sekitaran, teman dan keluarga.

**Ketiga**, dengan hanya mengaitkan masalah penganasan kepada masalah Islam dan umatnya, kulturalisme juga gagal memberikan penjelasan sepenuhnya terhadap punca masalah tersebut. Ini sekali gus menjejaskan dan menghambat usaha mencari penyelesaian yang tepat.

Dengan mengaitkan punca sebagai agama dan teks, faktor-faktor sejarah, politik, pendidikan, dan taraf sosioekonomi dipinggirkan. Mentalah faktor psikologi penganas juga tidak diberi perhatian sepenuhnya. Mengapa seseorang itu memilih berfahaman ekstrem berkait rapat dengan kedudukannya dalam masyarakat. Faktor psikologi ini juga amat penting kerana ia menjejaskan cara seseorang itu berfikir dan bagaimana teks-teks agama dinilai.

Memandangkan lemahnya pendekatan kulturalisme ini, adakah ini bermakna bahawa segala usaha dialog silang agama yang dilakukan setakat ini cuma sesia? Jawabannya tidak.

Bagaimanapun, objektif dialog silang agama ini mesti diperhalusi dan difikirkan semula. Motif utama dialog silang agama bukanlah mencari huraian kepada permasalahan penganasan, tetapi untuk mempelajari dan memahami keindahan nilai universal yang diungkapkan dalam setiap agama.

Memang benar bahawa dialog sedemikian boleh menangkis segala tanggapan negatif terhadap masyarakat Islam. Namun, potensinya lebih besar daripada itu.

Oleh itu, penting bagi masyarakat kita memahami masalah kulturalisme ini, dengan menyatakan permasalahan penganasan bukanlah satu masalah yang khusus pada agama, tetapi merangkumi banyak faktor lain. Identiti dan personaliti sebenar Osama bin Laden harus dijadikan iktibar bahawa setiap tindak-tanduknya yang didakwanya atas nama 'kebenaran' bukanlah berteraskan Islam semata-mata. [ ]

\*\*\*\*\*

Artikel ini telah diterbitkan di akhbar *Berita Harian* pada 27 Mei 2011.